JABATAN PERTANIAN
NEGERI PAHANG



# DURIAN KAMPUNG

"PERMATA TERSEMBUNYI PAHANG"

# ISI KANDUNGAN


Prakata Pengarah Pertanian Negeri Pahang ---------- 1

Pengenalan ---------- 2,3

Daerah Bentong ---------- 4

Daerah Bera ---------- 10

Daerah Jerantut ---------- 15

Daerah Kuantan ---------- 20

Daerah Lipis ---------- 25

Daerah Maran ---------- 30

Daerah Pekan ---------- 35

Daerah Raub ---------- 40

Daerah Rompin ---------- 45

Daerah Temerloh ---------- 50

Kriteria dan Standard Penilaian ---------- 55

Pendaftaran DKP Yang Berjaya ---------- 56

Senarai Peserta DKP Yang Berjaya ---------- 58

Keratan Akhbar ---------- 65

Direktori ---------- 70

# PRAKATA

## PENGARAH PERTANIAN NEGERI PAHANG



**Bismillahirrahmanirrahim.**
**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, penerbitan buku Durian Kampung Premium ini dapat direalisasikan sebagai satu usaha yang signifikan dalam mendokumentasikan khazanah pertanian negeri Pahang yang bernilai tinggi. Buku ini bukan sahaja mengetengahkan potensi komoditi durian kampung secara menyeluruh, malah turut menyumbang kepada pemerkasaan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap aset warisan yang semakin mendapat perhatian di peringkat nasional dan antarabangsa.

Durian bukan sekadar buah tropika yang digemari ramai, tetapi juga merupakan simbol budaya, warisan rasa dan kecekalan pekebun kecil dalam mengusahakan tanah serta mengekalkan kelangsungan dusun tradisional. Di sebalik populariti varieti klon seperti Musang King dan Duri Hitam, durian kampung tetap mempunyai nilai tersendiri yang unik dan autentik, hasil daripada persenyawaan semula jadi yang menghasilkan pelbagai variasi rasa, warna dan tekstur. Justeru, penerbitan ini diusahakan bukan hanya untuk merakamkan fakta sejarah, tetapi juga untuk memperkenalkan semula keistimewaan durian kampung kepada masyarakat moden melalui pendekatan yang lebih ilmiah, berstruktur dan mudah difahami.

Penerbitan ini juga merupakan bentuk penghargaan terhadap sumbangan para pekebun, penyelidik, pegawai teknikal dan semua pihak yang telah memainkan peranan penting dalam memelihara, membangunkan serta mempromosikan durian kampung sebagai salah satu produk pertanian yang berpotensi tinggi. Selain itu, buku ini diharap dapat menjadi bahan rujukan kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk usahawan tani, pelabur, agensi kerajaan dan swasta, institusi pendidikan serta penggemar durian, dalam memahami dengan lebih mendalam keunikan dan nilai ekonomi durian kampung yang kian mendapat tempat di pasaran.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Jabatan Pertanian Negeri Pahang atas komitmen dan inisiatif mereka dalam menjayakan penerbitan ini. Usaha ini jelas mencerminkan dedikasi jabatan dalam menyokong pembangunan sektor agromakanan secara holistik dan mampan. Diharapkan penerbitan ini akan menjadi titik tolak kepada peningkatan nilai tambah produk durian kampung, serta membantu memperkukuhkan penjenamaan Durian Kampung Premium sebagai produk pertanian yang kompetitif dan berdaya saing.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan ini. Semoga segala usaha ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kita bersama dalam memajukan sektor pertanian negara, khususnya di Negeri Pahang.

**"Durian Kampung: Asli, Unik, Premium"**
**Sekian, terima kasih.**

Muhd Rizal bin Baharom
Pengarah Pertanian Negeri Pahang

# PENGENALAN

## LATAR BELAKANG DKP

Durian merupakan buah tropika yang sangat sinonim dengan rakyat Malaysia serta menjadi sebahagian daripada identiti pertanian dan budaya tempatan. Mengikut rekod sejarah, durian telah ditemui dan direkodkan secara rasmi di negara ini sejak zaman penjajahan, terutamanya di negeri Melaka. Namun begitu, usaha pendaftaran varieti secara saintifik hanya bermula pada tahun 1934 apabila Jabatan Pertanian Malaysia mendaftarkan varieti pertama iaitu D1. Sehingga kini, lebih 200 varieti durian telah direkodkan, termasuk varieti yang amat dikenali seperti Musang King (D197) dan Duri Hitam (D200).

Walaupun varieti klon mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi, durian kampung tetap memainkan peranan yang signifikan dalam landskap industri durian negara. Secara umumnya, durian kampung ialah durian yang ditanam melalui biji dan lazimnya diusahakan secara tradisional oleh pekebun kecil di kawasan kampung. Pokok durian kampung tumbuh secara semula jadi melalui proses persenyawaan terbuka dan tidak mewarisi sepenuhnya sifat induknya. Oleh itu, setiap pokok menghasilkan buah yang unik dari segi rasa, warna, aroma dan tekstur. Malah, varieti Musang King yang kini popular turut berasal daripada pokok durian kampung terpilih yang telah dikenalpasti dan diklonkan.

Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, permintaan terhadap durian kampung menunjukkan peningkatan ketara. Sekiranya dahulu ia dijual pada harga sekitar RM0.30 hingga RM0.50 sekilogram, kini harga durian kampung berkualiti tinggi boleh mencecah antara RM25 hingga RM45 sekilogram. Durian kampung yang dikategorikan sebagai "premium" lazimnya mempunyai ciri-ciri seperti isi tebal, warna kuning jingga, tekstur lekit serta rasa seimbang antara manis dan pahit. Ciri ini menjadikannya pilihan utama dalam kalangan penggemar durian tempatan yang menghargai rasa asli dan keunikan semula jadi.

Trend gaya hidup masa kini juga menyumbang kepada peningkatan minat terhadap durian kampung. Aktiviti seperti makan durian di dusun, berkhemah di kebun dan konvoi durian menjadi fenomena popular dalam kalangan masyarakat. Ditambah pula dengan penggunaan media sosial yang meluas, durian kampung semakin dikenali dan dihargai oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Selain nilai pasaran, durian kampung juga menyumbang secara signifikan kepada kepelbagaian genetik tanaman. Penanaman melalui biji berpotensi menghasilkan varieti baharu, dan kajian menunjukkan bahawa satu daripada tiga pokok durian kampung mampu menghasilkan buah yang mempunyai kualiti lebih baik daripada induknya. Hal ini menjadikan durian kampung sebagai sumber penting dalam pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti durian negara.

Secara keseluruhannya, durian kampung bukan sekadar buah tempatan yang lazim dinikmati semasa musimnya, tetapi merupakan khazanah pertanian yang bernilai tinggi. Durian Kampung Premium membawa potensi besar dalam aspek ekonomi, genetik dan pemeliharaan warisan budaya. Diharapkan buku ini dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca dalam memahami, menghargai dan mengembangkan lagi potensi durian kampung sebagai aset agromakanan negara

# PENGENALAN

## OBJEKTIF

**Penerbitan buku Durian Kampung Premium bertujuan untuk:**

1. Menyampaikan maklumat berkaitan sejarah serta perkembangan durian kampung di Malaysia dari perspektif agronomi dan budaya.

2. Menjelaskan definisi durian kampung serta kaedah penanaman tradisional melalui penggunaan biji.

3. Menghuraikan ciri-ciri fizikal dan kualiti durian kampung yang membolehkan ia diklasifikasikan sebagai "premium".

4. Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap nilai ekonomi, keunikan rasa dan potensi pasaran durian kampung.

5. Mengiktiraf peranan dan sumbangan pekebun kecil dalam pemeliharaan, pembangunan dan kelestarian industri durian kampung.

6. Menyokong inisiatif penjenamaan dan pemasaran durian kampung premium di peringkat tempatan dan antarabangsa secara lebih tersusun dan berimpak tinggi.

# CIRI CIRI DURIAN KAMPUNG PREMIUM

## DURIAN KAMPUNG **PREMIUM**

Bertangkai Segar



- Buah Bebas Daripada Kecacatan Dan Kerosakan Akibat Perubahan Suhu Tinggi Atau Rendah
- Buah Bebas Daripada Kotoran, Busuk, Reput, Berpenyakit
- * Kemanisan Buah Melebihi 25  Brix (Bx)
  * Isi Berlemak Dan Sedikit Pahit
- * Ketebalan Isi melebihi 10 Mm
  * Isi Berwarna Krim, Kuning Atau Jingga
- Berat Buah Melebihi 1 Kg




# DAERAH BENTONG

# DURIAN TELEMONG AH CHUAN

**PEMILIK**
CHONG HUA CHUAN
**LOKASI KEBUN**
KG. TELEMONG, KARAK
**CIRI-CIRI BUAH**
SIZE : SEDERHANA
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU COKLAT
WARNA ISI : KUNING, KRIM
RASA : SANGAT MANIS, LEMAK & SEDIKIT PAHIT


Atas


Bawah


Isi


Sisi

# DURIAN AI YUN

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
WONG CHEO YUN
**LOKASI KEBUN**
KG. MANCHIS, KARAK
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE :** KECIL
**BENTUK :** SIMETRI BULAT
**WARNA KULIT :** HIJAU COKLAT
**WARNA ISI :** KUNING
**RASA :** MANIS, LEMAK & TANPA PAHIT

# DURIAN CHEE CHEE

**PEMILIK**
**CHEE SIONG HOE**
**LOKASI KEBUN**
**KG. TELEMONG, KARAK**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : KECIL**
**BENTUK : SIMETRI BULAT**
**WARNA KULIT : HIJAU COKLAT**
**WARNA ISI : KUNING, KRIM**
**RASA : MANIS & SEDIKIT LEMAK**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH BERA

# DURIAN SULONG

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
MOHAMAD KHASRI BIN ABD MAJID

**LOKASI KEBUN**
KG. BOHOR BARU,BERA

**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE :** BESAR
**BENTUK :** TIDAK SIMETRI
**WARNA KULIT :** HIJAU COKLAT
**WARNA ISI :** KUNING, KRIM
**RASA :** SANGAT MANIS & SEDIKIT PAHIT

# DURIAN AMPAIAN



Atas



Bawah



Isi



Sisi

**PEMILIK**
JUNAIDA BINTI MD ZALI @ MD GHAZLI

**LOKASI KEBUN**
KG. BOHOR BARU, BERA

**CIRI-CIRI BUAH**

SIZE : SEDERHANA
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU COKLAT
WARNA ISI : KRIM, PUTIH
RASA : MANIS & SEDIKIT LEMAK

# DURIAN BALAK

Atas



Bawah



Isi



Sisi



PEMILIK
NURLIN MAISARAH BINTI MUTALIB
LOKASI KEBUN
FELDA TEMENTI,BERA
CIRI-CIRI BUAH
SIZE : SEDERHANA
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU COKLAT
WARNA ISI : KRIM, PUTIH
RASA : SANGAT MANIS &
SEDIKIT PAHIT

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH JERANTUT

# DURIAN BUKIT KOR

**PEMILIK**
**CHE NORAIZI BIN CHE MAT**
**LOKASI KEBUN**
**KG. CHENGKUAK, JERANTUT**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : SEDERHANA**
**BENTUK : SIMETRI BUJUR**
**WARNA KULIT : HIJAU CERAH/GELAP**
**WARNA ISI : KUNING**
**RASA : SANGAT MANIS & LEMAK**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# DURIAN TUPAI KELILING

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
RAMLI BIN MUSTAPHA
**LOKASI KEBUN**
KG. CHENGKUAK, JERANTUT
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE :** KECIL
**BENTUK :** SIMETRI BULAT
**WARNA KULIT :** HIJAU COKLAT
**WARNA ISI :** KUNING, KRIM
**RASA :** MANIS, LEMAK & SEDIKIT PAHIT

# DURIAN BONGKOK HIJAU

**PEMILIK**
**ISMAIL NAZRI BIN YUSOF**
**LOKASI KEBUN**
**KG. JINGGAU, JERANTUT**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : KECIL**
**BENTUK : SIMETRI BUJUR**
**WARNA KULIT : HIJAU COKLAT**
**WARNA ISI : KUNING, KRIM**
**RASA : MANIS & SEDIKIT PAHIT**


Atas


Bawah


Isi


Sisi

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH KUANTAN

# DURIAN KUNYIT SG. LEMBING

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
CHEN YIK LOONG
**LOKASI KEBUN**
KG. KOLONG PAHAT,
SG.LEMBING, KUANTAN
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE** : SEDERHANA
**BENTUK** : SIMETRI BUJUR
**WARNA KULIT** : HIJAU COKLAT
**WARNA ISI** : KUNING
**RASA** : SANGAT MANIS, BERLEMAK & SEDIKIT PAHIT

# DURIAN SPIDER RIMBA KING



Atas



Bawah



Isi



Sisi

**PEMILIK**
**NIK SAPARIZAN BIN MOHD SOPA**
**LOKASI KEBUN**
**KG. BESERAH, KUANTAN**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : KECIL**
**BENTUK : TIDAK SIMETRI**
**WARNA KULIT : HIJAU GELAP**
**WARNA ISI : KUNING**
**RASA : MANIS, TANPA LEMAK & SEDIKIT PAHIT**

# DURIAN KM



Atas



Bawah



Isi



Sisi

PEMILIK
KANG LAI HUAT
LOKASI KEBUN
KG. MAHKOTA, KUANTAN
CIRI-CIRI BUAH
SIZE : KECIL
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU COKLAT
WARNA ISI : KUNING
RASA : MANIS, SEDIKIT LEMAK & PAHIT

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH LIPIS

# DURIAN MENTEGA

PEMILIK
JAMALUDIN BIN OTHMAN
LOKASI KEBUN
KG. LUBUK HIK, LIPIS
CIRI-CIRI BUAH
SIZE : SEDERHANA
BENTUK : TIDAK SIMETRI
WARNA KULIT : HIJAU CERAH/GELAP
WARNA ISI : KUNING
RASA : SANGAT MANIS, LEMAK BERKRIM, SEDIKIT PAHIT & BERAROMA



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# DURIAN NAGA UMBANG

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
MUHAMMAD RAHIM BIN ZAINAL ABIDIN

**LOKASI KEBUN**
KG. KUALA SERAU, LIPIS

**CIRI-CIRI BUAH**

SIZE : SEDERHANA
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU GELAP
WARNA ISI : KUNING
RASA : MANIS, LEMAK & SEDIKIT PAHIT

# DURIAN 6 PANGSA

**PEMILIK**
**JOHAR BIN SUDIN**
**LOKASI KEBUN**
**KG PERUANG, LIPIS**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : KECIL**
**BENTUK : SIMETRI BULAT (MEMPUNYAI 6 PANGSA)**
**WARNA KULIT : HIJAU COKLAT**
**WARNA ISI : KRIM, PUTIH**
**RASA : MANIS DAN LEMAK**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH MARAN

# DURIAN SWEET SUN

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**

ABDUL SANI BIN AB. RAHMAN

**LOKASI KEBUN**

KG LUIT, MARAN

**CIRI-CIRI BUAH**

**SIZE** : BESAR

**BENTUK** : SIMETRI BUJUR

**WARNA KULIT** : HIJAU CERAH

**WARNA ISI** : KUNING

**RASA** : SANGAT MANIS, TANPA LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT

# DURIAN T4 HASAN

**PEMILIK**
**HASSAN KAALIL BIN ABDULLAH**

**LOKASI KEBUN**
**KG JARA, MARAN**

**CIRI-CIRI BUAH**

**SIZE : BESAR**

**BENTUK : SIMETRI BULAT**

**WARNA KULIT : HIJAU CERAH**

**WARNA ISI : KUNING, KRIM**

**RASA : MANIS, LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# DURIAN LESUNG



Atas



Bawah



Isi



Sisi

**PEMILIK**

MOHD HAFIZ BIN ZUL

**LOKASI KEBUN**

KG PEJING, MARAN

**CIRI-CIRI BUAH**

SIZE : SEDERHANA

BENTUK : TIDAK SEMETRI

WARNA KULIT : HIJAU COKLAT

WARNA ISI : KUNING, KRIM

RASA : SEDIKIT MANIS, LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH PEKAN

# DURIAN AH PONG

**PEMILIK**
**AHMAD SUFIAN BIN ABDUL RAHMAN**
**LOKASI KEBUN**
**KG GANCHONG, KUANTAN**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : SEDERHANA**
**BENTUK : SIMETRI BULAT**
**WARNA KULIT : HIJAU CERAH**
**WARNA ISI : KUNING**
**RASA : SANGAT MANIS, LEMAK DAN PAHIT**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# DURIAN PADANG RUMBIA

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**

ISMAIL BIN IBRAHIM

**LOKASI KEBUN**

KG PADANG RUMBIA, PEKAN

**CIRI-CIRI BUAH**

**SIZE :** SEDERHANA

**BENTUK :** SIMETRI BUJUR

**WARNA KULIT :** HIJAU KUNING

**WARNA ISI :** KUNING

**RASA :** SANGAT MANIS, DAN SEDIKIT PAHIT

# DURIAN GEYLANG POWER

**PEMILIK**
**ANUARIZAN BIN NGAH**
**LOKASI KEBUN**
**KG PERMATANG PAUH PEKAN**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : SEDERHANA**
**BENTUK : SIMETRI BUJUR**
**WARNA KULIT : HIJAU COKLAT**
**WARNA ISI : KRIM, PUTIH**
**RASA : MANIS, SEDIKIT LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH RAUB

# DURIAN PAK DO SALLEH

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**

NURAZIMAH BINTI MUKHTAR

**LOKASI KEBUN**

KG. ULU JELU, RAUB

**CIRI-CIRI BUAH**

**SIZE :** SEDERHANA

**BENTUK :** SIMETRI BUJUR

**WARNA KULIT :** COKLAT

**WARNA ISI :** KUNING

**RASA :** SANGAT MANIS, SEDIKIT BERLEMAK DAN SEDIKIT PAHIT

# DURIAN MUNIR KING

**PEMILIK**
**MOHD PADLI BIN SHAMSUDDIN**
**LOKASI KEBUN**
**KG. JERAM BESU, RAUB**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : SEDERHANA**
**BENTUK : SIMETRI BULAT**
**WARNA KULIT : COKLAT**
**WARNA ISI : KUNING**
**RASA : MANIS, LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT**



Atas



Bawah



Isi



Sisi

# DURIAN JELU KING

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
RAHIMAH BINTI MD ZIN
**LOKASI KEBUN**
KG. ULU JELU, RAUB
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE :** SEDERHANA
**BENTUK :** SIMETRI BULAT
**WARNA KULIT :** COKLAT
**WARNA ISI :** KUNING
**RASA :** MANIS, LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH ROMPIN

# DURIAN HAZNAH

**PEMILIK**
HAZNAH BINTI BAKAR
**LOKASI KEBUN**
KG. LANTANG, ROMPIN
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE :** BESAR
**BENTUK :** TIDAK SEMETRI
**WARNA KULIT :** HIJAU CERAH
**WARNA ISI :** KUNING, KRIM
**RASA :** MANIS, SEDIKIT LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT


Atas


Bawah


Isi


Sisi

# DURIAN PAK LANG

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**

**MANSHOR BIN AHMAD**

**LOKASI KEBUN**

**FELDA SELENDANG 1, ROMPIN**

**CIRI-CIRI BUAH**

**SIZE : SIMETRI BULAT**

**BENTUK : TIDAK BULAT**

**WARNA KULIT : HIJAU GELAP**

**WARNA ISI : KUNING, KRIM**

**RASA : MANIS, TANPA LEMAK DAN SEDIKIT PAHIT**

# DURIAN PAY D1

**PEMILIK**
**AZLAN BIN AHMAD**
**LOKASI KEBUN**
**BUKIT IBAM, ROMPIN**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : SEDERHANA**
**BENTUK : SIMETRI BULAT**
**WARNA KULIT : HIJAU GELAP**
**WARNA ISI : KUNING, KRIM**
**RASA : SEDIKIT MANIS, BERLEMAK DAN TANPA PAHIT**


Atas


Bawah


Isi


Sisi

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG






# DAERAH TEMERLOH

# DURIAN UNTUNG

Atas



Bawah



Isi



Sisi



**PEMILIK**
**AZHAR BIN AHMAD**
**LOKASI KEBUN**
**KG. DESA BAKTI, MENTAKAB, TEMERLOH**
**CIRI-CIRI BUAH**
**SIZE : KECIL**
**BENTUK : SIMETRI BUJUR**
**WARNA KULIT : HIJAU CERAH**
**WARNA ISI : KUNING, KRIM**
**RASA : MANIS, LEMAK, SEDIKIT PAHIT DAN RASA UNIK (SUSU)**

# DURIAN XIANG FEI

**PEMILIK**
GOOI LEONG KIAN
**LOKASI KEBUN**
KG. GANTOK, MENTAKAB, TEMERLOH
**CIRI-CIRI BUAH**
SIZE : SEDERHANA
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU COKLAT
WARNA ISI : KUNING KRIM
RASA : MANIS, LEMAK, DAN SEDIKIT PAHIT


Atas


Bawah


Isi


Sisi

# DURIAN BANGKOK



Atas



Bawah



Isi



Sisi

**PEMILIK**
HASBULLAH BIN AWANG
NAIB

**LOKASI KEBUN**
KG. PENGKALAN JAYA, LEBAK, TEMERLOH

**CIRI-CIRI BUAH**
SIZE : SEDERHANA
BENTUK : SIMETRI BUJUR
WARNA KULIT : HIJAU CERAH
WARNA ISI : KRIM, PUTIH
RASA : MANIS, LEMAK, SEDIKIT PAHIT DAN RASA UNIK (SUSU)

# PETA DAERAH_PIN POINT KAMPUNG



# KRITERIA & STANDARD PENILAIAN DURIAN KAMPUNG PREMIUM PAHANG

| CIRI FIZIKAL BUAH | |
|---|---|
| SAIZ | BESAR > SEDERHANA . KECIL |
| BENTUK | SIMETRI (BULAT) > SIMETRI (BUJUR) > TIDAK SEMETRI |

| WARNA | |
|---|---|
| ISI | DWI WARNA > MERAH > JINGGA > KUNING > KRIM > PUTIH |
| KULIT | HIJAU CERAH / GELAP > HIJAU COKLAT > COKLAT KUNING |

| RASA | |
|---|---|
| MANIS | SANGAT MANIS > MANIS > KURANG MANIS |
| LEMAK | LEMAK > SEDIKIT LEMAK > TANPA LEMAK |
| PAHIT | PAHIT > SEDIKIT PAHIT > TANPA PAHIT |
| RASA UNIK | VANILA / PANDAN / SUSU / KEKACANG / DAN LAIN - LAIN |

* *Sumber Rujukan - Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Negeri Pahang*

# PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN VARIETI UMUM TANAMAN

PELAPOR : MOHD IDAFI BIN MOHD ROSELI
NO FAIL : PVK 020/22
NO PENDAFTARAN : D231
TANAMAN : DURIAN
SAINTIFIK : ***DURIO ZIBETHINUS L.***
NAMA VARIETI : DAF - 1












# CIRI CIRI

- Pokok : tabiat pertumbuhan : Menegak
- Dahan lateral : sifat : Menegak
- Lai daun : panjang : Purata : 17.73 cm
- Lai daun : lebar : purata : 4.72 cm
- Lai daun : nisbah panjang / lebar : Purata : 3.76
- Lai daun : bentuk : Obovat
- Lai daun : bentuk pangkal : Akut
- Lai daun : panjang bahagian hujung akuminat : Panjang
- Lai daun : kelengkungan pada bahagian hujung : Sederhana melengkung
- Lai daun : warna pada permukaan bawah : Perang kehijauan
- Lai daun : melepuh : Tiada
- Lai daun : alunan pada tepian : Ada
- Pedisel : panjang : sederhana, purata : 47.91 mm
- Pedisel : bentuk : Jenis (II)
- Buah : berat : Purata : 1704.17 g
- Buah : panjang : Purata : 16.60 cm
- Buah : kedalaman alur : Sederhana
- Buah : bentuk : Obavat
- Buah : simetri : Sangat tidak simetri
- Buah : bentuk pangkal : Akut
- Buah : bentuk bahagian hujung : Membulat
- Buah : warna kulit : Hijau kelabu (Greenish Yellow)
- Buah : kehadiran duri : Ada
- Buah : panjang berduri : Sederhana
- Buah : kepadatan duri : Sederhana
- Buah : jenis duri : Jenis (V)
- Buah : kehadiran duri pada bahagian keliling pangkal pedisel : Tiada
- Buah : bahagian kawasan tidak berduri pada keliling pangkal pedisel : Kecil
- Buah : kelengkungan duri apeks pada pangkal pedisel : Menegak
- Buah : kehadiran duri pada bahagian hujung : Ada
- Buah : kawasan tidak berduri pada bahagian hujung : Kecil
- Buah : kelengkungan duri pada bahagian hujung buah : Sedikit melengkung
- Buah : rabung sepanjang garis pembahagian pangsa : Tiada / sangat lemah
- Buah : dari kecil sepanjang garis pembahagian pangsa : Tidak atau sedikit
- Buah : berat kulit : Purata : 988.67 g
- Buah : ketebalan kulit : Purata : 11.15 mm
- Buah : berat biji : Purata : 141.67 g
- Buah : bilangan biji per buah : Purata : 9
- Buah : bilangan biji kesep per buah : Purata : 3
- Isi : ketebalan bahagian perikap terlebar : Tebal
- Isi : berat : 573.83 g
- Isi : warna utama : Kuning cerah
- Isi : warna sekunder : Tiada
- Isi : aroma : Sederhana kuat
- Isi : kemanisan : Kuat, purata : 32.68 % Brix
- Isi : kepahitan : Kuat
- Isi : tekstur : Sederhana
- Isi : berkrim : Sederhana
- Biji : bentuk : Ovat
- Biji : Intensiti warna perang : sederhana gelap

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| BENTONG | 1 | LAU CHAN SENG | SEE SENG | KG. MANCHIS |
| | 2 | FLORA ANAK GAJIH | FLORA | SUNGAI GAPOI |
| | 3 | LOW CHIN LONG | AH LONG | KG. MANCHIS |
| | 4 | LAI WAH FOONG | LAI MOU | KG. MANCHIS |
| | 5 | LONG CHONG CHAN | MOU CHAN | KG. TELEMONG |
| | 6 | LIEW CHIN SIA | AH SIA | KG. TELEMONG |
| | 7 | LEE CHEE CHUN | AI CHUN | KARAK |
| | 8 | CHEE SEONG HOE | CHEE CHEE | KG. MANCHIS |
| | 9 | ITG AGRO SDN BHD | ITG | KG. TELEMONG |
| | 10 | CHAN KOH LEONG | KOH LONG | KG. MANCHIS |
| | 11 | SEE KING KEONG | AH SEE | SUNGAI PERDAK |
| | 12 | YU TENG FOO | TENG | KG. MANCHIS |
| | 13 | CHONG HUA CHUAN | AH CHUAN | KG. TELEMONG |
| | 14 | WONG CHEO YUN | AI YUN | KG. MANCHIS |
| | 15 | CHOO CHEE SOON | SOON | KG. PELANGAI |

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| BENTONG | 16 | LEE WAI HONG | AH HONG | KG. MANCHIS |
| | 17 | KANNAYAN | KARAK | BATU 4, KARAK |
| BERA | 18 | MOHAMAD KHASRI BIN ABD MAJID | SULONG C32 | KG. BOHOR BARU |
| | 19 | JUNAIDA BT MD ZALI  MD GHAZLI | AMPAIAN | KG. BOHOR BARU |
| | 20 | NURLIN MAISARAH BINTI MUTALIB | BALAK | FELDA TEMENTI |
| | 21 | NUR NISRINA NABIHAH BT MOHD RIZAL | KEMAHAL | FELDA SG KEMAHAL |
| JERANTUT | 22 | SAHASMAH BINTI MAT IDRIS | LEMAK MANISME | KG. CHENGKUAK |
| | 23 | MOHAMED BIN SAID | BUKIT KEPAYANG | KG. BAHARU |
| | 24 | CHE NORAIZI BIN CHE MAT | BUKIT KOR | KG. ANAK GAJAH |
| | 25 | RAMLI BIN MUSTAPHA | TUPAI KELILING | KG. CHENGKUAK |
| | 26 | NIK SHUHAIRAZI BIN NIK MUHAMMAD | TEMBAGA EMAS KONGGO | KG. KONGGO |
| | 27 | RAHMAT HIDAYAT BIN YUSOFF | LB PREMIUM | KG. TANJUNG PUTERI |
| | 28 | AZRAN BIN ASEH | CINTA KOI | KG. BUKIT BATU |
| | 29 | ZAHARAH BT OSMAN | PUTERA EMAS | KG. TANJUNG PUTERI |
| | 30 | ISMAIL NAZRI B YUSOF | BONGKOK JINGGAU | KG. JINGGAU |

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| JERANTUT | 31 | ISMAIL NAZRI B YUSOF | TEMBAGA | KG. JINGGAU |
| KUANTAN | 32 | ALI BIN IDRIS | ADIK JA | BUKIT GOH |
| | 33 | MOHD TAHIR BIN MAT YUSOF | MAT TAHIR | PAYA BUNGOR |
| | 34 | CHEN YIK LOONG | KUNYIT SG LEMBING | KOHOK PAHAT, SG LEMBING |
| | 35 | NIK SAFARIZAN BIN MOHD SOPA | SPIDER RIMBA KING | BESERAH |
| | 36 | KAI LAI HUAT | KM | KG. MAHKOTA |
| LIPIS | 37 | JAMALUDIN BIN OTHMAN | MENTEGA | KG. LUBUK HIK |
| | 38 | JOHAR BIN SUDIN | 6 PANGSA | KG. PERUANG |
| | 39 | JOHAR BIN SUDIN | SRI PERUANG | KG. PERUANG |
| | 40 | RAHIM PUDIN BIN MAT SARIF | KUCING BANTAL | KG. LUBUK HIK |
| | 41 | MOHD PADLI BIN SHAMSUDDIN | KUCING GARANG | KG.TANJUNG RAMBAI |
| | 42 | MOHD PADLI BIN SHAMSUDDIN | ULU JELAI | KG. KUALA MEDANG |
| | 43 | AINUL FAHMI BIN AHMAD | BULAT | KG. KUALA MEDANG |
| | 44 | FOON MAN @ FOON YAT WENG | FOO KING | KG. MELA |
| | 45 | SHAMSUDDIN BIN YUNUS | KERIA TANJUNG | KG.ULU JELAI |

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| LIPIS | 46 | CHE JARAH BIN SAMAD | CHE JARAH | KG. MERAPOH |
| | 47 | MOHD AZRUL BIN RAZALI | IBU ABAH | KG.KELEDEK |
| | 48 | MUHAMAD NOR AMIRUL FIRMAN BIN MOHD ZAHARI | AHMAD ALBAB | KG.KELEDEK |
| | 49 | MUHAMMAD RAHIMI BIN ZAINAL ABIDIN | NAGA UMBANG | KG. KUALA SERAU |
| | 50 | AZAN BIN AWANG NGAH | TITI | KG. SEBERANG TEKA, BUDU |
| | 51 | JAAFAR BIN MUHAMAD | JENAB | KG. BUKIT KOLAM, BUDU |
| | 52 | FAIZAL BIN MOHD NADZIR | BUNTAT | KG. LUBUK HIK |
| | 53 | KHAIRI BIN BAHARUDIN | SRI KEMAHANG | KG. ULU KEMAHANG |
| | 54 | HUSSAIN BIN MAT AMIN | SRI BASUL | KG. CHAT,BUDU |
| | 55 | MOHAMAD HAZIQ BIN ABD RAHMAN | KEPALA GAJAH | TAMAN CHENERAS JAYA |
| | 56 | MOHAMAD NAZIR BIN ABD RAHMAN | DURI KASAR | KG. BUKIT BETONG |
| MARAN | 57 | ABDUL SANI BIN AB. RAHMAN | SWEET SUN | KG. LUIT |
| | 58 | HASSAN KAALIL BIN ABDULLAH | T4 HASSAN | KG. JARA |
| | 59 | MOHD HAFIZ BIN ZUL | LESUNG | KG. PEJING |
| | 60 | SUHAILA BINTI ABDUL RAHMAN | LEPAR KING | KG. LUIT |

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| MARAN | 61 | MADZURA BINTI MUBIN | SENTOL | KG. KUALA SENTUL |
| | 62 | HAFIZ BIN MOHAMED | PUCUNG | KG. KUALA SENTUL |
| | 63 | ZARIAH BINTI MUBIN | SERI BANGAS | KG. KUALA SENTUL |
| | 64 | M. SALIM BIN ABDUL TALIB | TERUNG | KG. SERENGKAM |
| PEKAN | 65 | AHMAD SUFIAN IN ABDUL RAHMAN | AH PONG | KG. GANCHONG |
| | 66 | ZAHARAH BINTI MOHD SALLEH | SERAMA | KG. PERMATA PAUH |
| | 67 | ISMAIL BIN IBRAHIM | PADANG RUMBIA | KG. PADANG RUMBIA |
| | 68 | KAMARUDDIN BIN JAAFAR | PERPA KING | KG. PERMATA PAUH |
| | 69 | ANUARIZAN BIN NGAH | GEYLANG POWER | KG. PERMATA PAUH |
| RAUB | 70 | NORAZIMAH BINTI MUKHTAR | POK DO SALLEH | KG. ULU JELU |
| | 71 | MOHD PADLI BIN SHAMSUDDIN | MUNIR KING | KG. JERAM BESU |
| | 72 | RAHIMAH BINTI MD ZIN | JELU KING | KG. ULU JELU |
| | 73 | ADENAN BIN BUYONG | JANTUNG ULU SUNGAI | KG. ULU SUNGAI |
| | 74 | HAZPIZAN BIN ABDUL AZIZ | DUB DAB | KG. PAMAH KULAT |
| | 75 | HASHIM BIN MAT SAH | POK ASHIM | KG. JENUD |

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| RAUB | 76 | HASHIM BIN MAT SAH | CINTA JENUD | KG. JENUD |
| | 77 | HARRAZ BIN HAZPIZAN | KUNG | KG. PAMAH KULAT |
| | 78 | ZAHARAH MANSOR | MOK TEH | KG. PAMAH KULAT |
| | 79 | MOHD FIRDAUS MUSTAPPA | SANGKA | KG. JERAM BESU |
| | 80 | MOHD FIRDAUS MUSTAPPA | AYANG | KG. JERAM BESU |
| | 81 | NG CHE KIAT | ORKID | KG. SEMPALIT |
| | 82 | SITI HAJAR NURIZZATI BT MOHD RAZALI | SRI JELU | KG. ULU JELU |
| | 83 | MOHD RAZALI BIN HJ IBRAHIM | TOK HIM | KG. ULU JELU |
| | 84 | MOHD KHAIRIL IDZHAM BIN MOH RAZALI | MAKMUR KING | KG. ULU JELU |
| | 85 | SHAMSUL BIN SULAIMAN | JANTUNG PREMIUM | KG. ULU JELU |
| | 86 | MOHD PADLI BIN SHAMSUDDIN | CINTA BESU | KG. JERAM BESU |
| | 87 | SITI NOR ISMA' BINTI MOHD RAZALI | KEDUT HIJAU | KG. ULU JELU |
| | 88 | ROBAYAH BINTI MOHD NOH | WARISAN | KG. MELAYU SEMPALIT |
| | 89 | JUPRI BIN ABU | TEMAU KING | KG. TEMAU |
| | 90 | MOHD FIRDAUS MUSTAPPA | SANGKA KALA | KG. JERAM BESU |

# SENARAI PENYERTAAN DKP NEGERI PAHANG 2024

| DAERAH | BIL | NAMA PESERTA | NAMA DURIAN | LOKASI LADANG |
|---|---|---|---|---|
| ROMPIN | 91 | MOHAMMAD FITRI BIN AHMAD | GREEN HEAD | KG. BUKIT SERDANG |
| | 92 | NURUL ATHIRAH | ANA KING | FELDA SELENDANG 02 |
| | 93 | MUHAMMAD HASNIZAM BIN JOHA | GOLDEN KING | FELDA SELENDANG 02 |
| | 94 | JULAINAN A/P SARIM | DOB2 | KG. BELANGKAP |
| | 95 | ROSLI BIN BAHARI | PAY D2 | BUKIT IBAM |
| | 96 | SHAHIDAH BINTI ALI | MAK LANG | FELDA SELENDANG 01 |
| | 97 | ASMUNI BIN HAMSIN | ASMUNI | FELDA SELENDANG 01 |
| | 98 | AZLAN BIN AHMAD | PAY D1 | BUKIT IBAM |
| | 99 | MANSHOR BIN AHMAD | PAK LANG | FELDA SELENDANG 01 |
| | 100 | HAZNAH BINTI BAKAR | HAZNAH | KG. LANTANG |
| | 101 | AZHAR BIN AHMAD | UNTUNG | KG. DESA BAKTI, MENTAKAB |
| | 102 | GOOI LEONG KIAN | XIANG FEI | KG. GANTOK, MENTAKAB |
| | 103 | HASBULLAH BIN SALIM | BANGKOK | PENGKALAN JAYA, LEBAK |
| | 104 | KAMARULIZAN BIN SALIM | COMEY | KG. PANGSENAM |
| | 105 | MOHD ROSADI BIN ABDULLAH | ATOK | KG. GANTOK, MENTAKAB |

Sinar Harian

# Durian mentega dinobatkan juara premium kampung Lipis

Iklan oleh Google

Hantar maklum balas Mengapa iklan ini?







Jamaluddin (kanan) bersama durian mentega miliknya yang dinobatkan selaku juara Pertandingan Durian Kampung Premium Daerah Lipis 2024. Gambar kanan: Durian mentega milik Jamaluddin dinobatkan selaku juara Pertandingan Durian Kampung Premium Daerah Lipis 2024.

BH ONLINE

NASIONAL

# Durian di Pahang berkualiti tinggi

Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my
August 23, 2024 @ 10:46am

Service no longer available



*Durian Kampung Ah Pong muncul juara pertandingan durian diadakan pada Hari Durian Daerah Pekan. - Foto NSTP/MOHD RAFI MAMAT*

**Sumber rujukan : Sinar Harian & BH**

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

LOG MASUK LANGGAN




Home » Durian mentega dinobat juara, paling umphh...

NEGARA

# Durian mentega dinobat juara, paling umphh...

Ikuti kami Kosmo!

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR 17 Ogos 2024, 6:14 pm




Sumber rujukan : Sinar Harian & BH

# Kenali Durian "Rare" Pahang

# Si Ikan Buntal & Lembutnya Puteri

Disediakan oleh: Ali Hanafiah
(FACULTY OF DURIAN)

Artikel kali ini, akan mengupas antara varieti durian kampung "rare" di daerah Lipis, Pahang. Peningkatan publisiti dan promosi telah mengangkat varieti ini dan telah menjadi daya tarikan kepada pencinta durian.



### Durian Mas 10

Rupa buah yang seakan Ikan Buntal menjadi julukan atau seloroh bagi durian varieti ini. Bentuk buah bulat dan comel menonjolkan lagi perbezaannya berbanding durian lain. Pemilik asal varieti ini ialah Pok Soh Bilal dari Merapoh, Lipis, Pahang dan kini diwarisi oleh anaknya iaitu En. Lut Yusof.

Antara ciri unik varieti ini jika dibandingkan dengan durian lain ialah:

> Buah berbentuk bulat simetri dengan berat lingkungan 1.0kg-2.5kg / biji.

> Warna kulit buah ialah coklat keperangan dan sedikit hijau pada bahagian duri. Didapati juga warna coklat keperangan pada keseluruhan buah.

> Bentuk duri adalah kecil halus dan kepadatan durinya adalah jarang. Aroma buah dikategorikan sederhana kuat dan mempunyai sedikit aroma durian hutan (*Durio lowianus*).



### Durian Puteri Merapoh

Jolokan panggilan dengan nama Puteri menjadi tanda tanya dari beberapa pihak. Penulis ingin membuat sedikit "review" tentang varieti yang semakin popular ini. Realtif nama Puteri ini disebabkan kehalusan serta kelembutan tekstur isi buah dan Merapoh sempena nama tempat ia ditanam.

> Buah berbentuk bujur dengan berat lingkungan 1.0kg-2.3kg / biji.

> Warna kulit buah ialah kehijauan. Bentuk duri berbentuk "pyramida" dan kepadatan duri sederhana padat. Ciri unik pada buah ini ialah keadaan hujung buah berlekuk ke dalam buah yang ketara berbanding durian lain.

> Isi buah berwarna kuning dan kebanyakan bilangan ulas yang dijumpai adalah 1-3 ulas / pangsa bergantung kepada saiz buah.Isi buah berkedut dan kering membangkitkan lagi tahap kelekitan varieti ini. Keadaan struktur bagi daging buah adalah sangat lembut dan berira halus. Kelembutan struktur buah ini dapat dirasai seolah larut dengan sempurna apabila disuap ke dalam mulut.

> Tahap kemanisan, lemak, pahit bagi varieti ini sangat seimbang dan harmoni apabila kita memakannya. Strukturnya yang lekit menambah nilai lagi pada keunikannya. Kejadian biji bulat,

REDMI 10C | @LUT YUSOF 26/09/2024 20:37

**Sumber rujukan : Sinar Harian & BH**



Keadaan rupabentuk buah yang bulat dan berduri halus yang jarang mirip seperti ikan buntal.

Keadaan ulas buah yang berwarna kuning dan kebanyakan ulas yang ditemui ialah seulas/ pangsa bergantung kepada saiz buah.

> Isi buah berwarna kuning dan kebanyakan bilangan ulas yang dijumpai adalah 1-2 ulas / pangsa bergantung kepada saiz buah. Keadaan struktur bagi daging buah adalah sederhana pejal dan berserat sederhana halus.

> Untuk rasanya pula, ia manis, berlemak dan sedikit pahit.

> Keunikan Durian Mas 10 ini mampu menarik perhatian pencinta durian disebabkan keunikan bentuknya.



Rujukan bersama pemilik, En. Lut Yusof (di tengah) bersama kakitangan Jabatan Pertanian Daerah Lipis.



Lekuk ke dalam hujung buah menjadi identiti utama varieti ini.

sederhana dan kesep juga ditemui untuk beberapa sampel.

> Bagi mendapatkan atau ingin menikmati durian yang bertekstur halus mulus, varieti ini disyorkan untuk dicuba.

Daripada 2 varieti "rare" ini, ia menunjukkan potensi durian ini sangat luas dengan kriteria yang unik lain dari yang lain. Mas10 dengan rupabentuk yang comel unik, berduri halus dan isi berwarna kuning manakala Puteri Merapoh menonjolkan kehalusan serta kelembutan yang lain dari yang lain. Diharap, banyak lagi durian - durian kampung yang mempunyai ciri unik untuk diketengahkan bagi mewarnai industri pertanian negara.



Keadaan ulas buah yang berwarna kuning dan berkedut.

***Sumber rujukan : Sinar Harian & BH***



# 嚐果王挺華教

## 地里望榴槤嘉年華反應熱

（地里望18日讯）一连两天的地里望榴梿嘉年华反应热烈，中小学生也落力参与充当义工，共同把这项盛大的活动办好，也展现了当地人民团结力量。

活动是由柏朗埃州议员办公室联同地里望果农公会联办，在地里望华小礼堂和大草场举行，重头戏是榴梿比赛，还有猜榴梿重量和榴梿种子数目等，吸引民众踊跃参加。各政府部门和商家也参与展览和销售。



地里望华小义卖会，师生们落力叫卖。（李佩珍摄）

### 劉進夏：吸引不少外地遊客到來

地里望果农公会主席刘进夏表示，这是该会首次主办如此盛大的活动，很感谢柏朗埃州议员拿督阿末扎协助，以及理事与地方上人民的支持，合力把活动办好。

他说，这两天都有不少民众到来，今天周日的场面更是非常热闹，吸引不少外地游客到来。

士毛月经典迷你车俱乐部一行31人分乘12辆迷你车到来，引起全场注目，其中一名成员萧敬森表示，该部是与地里望果农公会秘书马国荣接洽



### 何澤鋒掰榴槤高手

六年级何泽锋充当义工，小小年纪已是掰榴梿的高手，刀法俐落，顿时成为了现场的焦点人物，让人赞扬不已。

他说，他的父母也是从事榴梿行业，他4岁就协助父母摆档，因此对于掰开榴梿，已是驾轻就熟，难不倒他。



唐华（右）和叶文威参与为地里望华小筹款的蔬菜义卖会。



文冬酱油业者曹志仁（左）向出席者介绍该厂的产品。（李佩珍摄）

### 唐華：地里望果農公會熱心華教

地里望华小董事长唐华说，地里望果农公会举办榴梿嘉年华，也热心华文教育，通过售卖蔬菜的义卖会，为该华小筹募活动基金。

他表示，该校的副校长、老师和学生也主动到来参与义卖会，学生更是主动出击，向民众推销各种新鲜蔬菜，为学校献出一份力。

### 葉文威：220公斤蔬菜充作義賣

来自斯里地里望的菜农叶文威说，他提供大约220公斤的蔬菜作为义卖会，为华教教育，不遗余力。



### 余美芝：賣出超過2公噸榴槤

参与摆卖榴梿的余美芝说，目前是榴梿盛产时刻，所以榴梿价格非常便宜。

"我们的榴梿都是来自地里望一带，昨天卖超过2公吨的榴梿，今天的人潮更多，使到销量大幅增加。"





Sumber rujukan : Sinar Harian & BH

# HUBUNGI PEJABAT PERTANIAN DAERAH BERDEKATAN

| BIL | DAERAH | NO TELEFON | ALAMAT |
|---|---|---|---|
| 1 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH KUANTAN | 09 - 536 6566 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH KUANTAN, KM 9, JALAN GAMBANG, 25150 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 2 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH PEKAN | 09 - 422 1394 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH PEKAN, 26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 3 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH ROMPIN | 09 - 414 0151 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH ROMPIN, 26800 ROMPIN, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 4 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH MARAN | 09 - 477 1528 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH MARAN, 26500 MARAN, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 5 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH TEMERLOH | 09 - 290 1200 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH TEMERLOH, KM 3 JALAN TRIANG, 28000 TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 6 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH BERA | 09 - 255 7353 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH BERA, 28200 BERA, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 7 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH JERANTUT | 09 - 266 2300 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH JERANTUT, 2700 JERANTUT, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 8 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH BENTONG | 09 - 223 6040 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH BENTONG, 28700 BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR |
| 9 | PEGAWAI PERTANIAN DAERAH RAUB | 09 - 355 1267 | PEJABAT PERTANIAN DAERAH RAUB, 27600 RAUB, PAHANG DARUL MAKMUR |

Catatan




DI TERBITKAN OLEH

JABATAN PERTANIAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG